# *SAHIH AL-BUKHARI* VERSI AL-YUNINI: SEJARAH, KEPENTINGAN DAN KEUNIKANNYA

Oleh: **Mohd. Khafidz bin Soroni**[1]

***Abstrak***

*Kitab Sahih al-Bukhari diakui umum sebagai sebuah kitab hadith yang unggul dan tiada tolok bandingnya di antara kitab-kitab yang pernah disusun oleh manusia sejagat. Semenjak zaman penyusunnya, Imam al-Bukhari, sehinggalah ke zaman sekarang, ia telah diriwayatkan oleh bilangan perawi yang sangat ramai, dari satu generasi ke satu generasi lain tanpa terputus sedikitpun pertalian sanadnya. Merupakan kehendak dan inayah Allah s.w.t., kitab Sahih al-Bukhari ini telah dipelihara oleh umat Islam dengan begitu baik sekali tanpa berlaku sebarang pengubahan dan penyelewengan serius yang dapat mengubah kesucian sabda Nabi s.a.w. di dalamnya. Di antara sekian ramai alim ulama yang prihatin terhadap ketulenan dan keabsahan periwayatan kitab Sahih al-Bukhari serta hadith-hadith yang terkandung di dalamnya ialah al-Hafiz Syaraf al-Din ‘Ali ibn Muhammad al-Yunini, seorang ahli hadith yang terkenal dengan ‘al-Nuskhah al-Yuniniyyah’nya. Ketelitian dan kegigihan beliau telah mengangkat tinggi nilai versi Sahih al-Bukhari yang beliau hasilkan. Justeru, di dalam artikel ini akan dikupas secara khusus mengenai kitab Sahih al-Bukhari versi al-Hafiz al-Yunini tersebut yang akan dibincangkan dari sudut sejarah, kepentingan dan keunikannya.*

## Mukadimah

Kitab *Sahih al-Bukhari* atau judul penuhnya ‘*al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasul Allah s.a.w. wa Sunanih wa Ayyamih*’[2] merupakan sebuah kitab yang unggul dan utama di dalam disiplin Islam selepas al-Quran al-Karim. Semenjak zaman penyusunnya, Imam al-Bukhari

1 Institut Kajian Hadis (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

2 Lihat: ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1993, *Tahqiq Ismay al-Sahihayn wa Ism Jami‘ al-Tirmidhi*, Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah.

(194H - 256H) sehinggalah ke zaman sekarang ini, ia telah diriwayatkan oleh bilangan perawi yang sangat ramai. Ia berlaku turun temurun dari satu generasi ke satu generasi yang lain tanpa terputus sanadnya. Justeru itu, ia terpelihara dengan begitu baik tanpa berlaku sebarang penyelewengan kritikal yang dapat mengubah kesucian kalam Nabi s.a.w. yang terkandung di dalam kitab tersebut. Demikianlah keprihatinan para ulama Islam di dalam menjaga keaslian dan kesahihan hadith-hadith Nabi s.a.w. Malah bukan sahaja *Sahih al-Bukhari,* bahkan ribuan kitab-kitab khazanah Islam yang lain juga menerima perhatian khusus yang sama daripada mereka agar dapat diperturunkan kepada umat Islam seluruhnya secara tulen. Di antara sekian ramai ulama yang prihatin terhadap ketulenan dan keabsahan periwayatan hadith-hadith *Sahih al-Bukhari* ini ialah al-Hafiz Syaraf al-Din ‘Ali ibn Muhammad al-Yunini, seorang ahli hadith yang terkenal dengan ‘*al-Nuskhah al-Yuniniyyah*’nya. Dalam artikel ini akan disentuh secara khusus mengenai kitab *Sahih al-Bukhari* versi beliau yang akan dikupas dari sudut sejarah, kepentingan dan keunikannya.

## Perawi-perawi Kitab *Sahih al-Bukhari*

Semenjak dahulu lagi, sanad periwayatan kitab *Sahih al-Bukhari* telah menerima perhatian daripada para alim ulama. Antara ulama yang membincangkannya ialah al-Hafiz Syams al-Din Ibn Tulun al-Dimasyqi dalam kitabnya *Bulghah al-Qani‘ fi Turuq al-Sahih al-Jami‘*, al-Hafiz al-Sakhawi dalam kitabnya *‘Umdah al-Qari‘ wa al-Sami‘ fi Khatm al-Sahih al-Jami‘*, Jamal al-Din Yusuf bin ‘Abd al-Hadi (m. 909H) dalam kitabnya *al-Ikhtilaf bayna Ruwat al-Bukhari ‘an al-Firabri wa Riwayat ‘an Ibrahim bin Ma‘qil al-Nasafi* dan sebagainya.

Murid al-Bukhari, Muhammad bin Yusuf bin Matar al-Firabri (m. 320H) pernah menyebut bahawa ada seramai 90,000 orang yang pernah mendengar *Sahih al-Bukhari* terus daripada al-Bukhari sendiri, namun kemudian tidak ada seorang pun lagi yang masih tinggal meriwayatkannya kecuali beliau seorang sahaja. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, pernyataan al-Firabri ini hanya berdasarkan pengetahuannya sahaja kerana masih ada murid al-Bukhari lain yang masih hidup selepas kewafatan beliau.[3]

3 Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1986, *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari,* Kaherah: Dar al-Rayyan, h. 516.

Antaranya ialah Abu Talhah Mansur bin Muhammad al-Bazdawi (m. 329H) dan Abu ‘Abdillah al-Husayn bin Isma‘il al-Mahamili (m. 330H).

Menurut Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh para ulama sehingga sekarang hanya dari enam orang perawi sahaja yang mengambil terus dari al-Bukhari sendiri. Setiap seorang daripada mereka adalah pemilik nuskhah yang berasingan. Mereka ialah:

1. Abu Ishaq Ibrahim bin Ma‘qil bin al-Hajjaj al-Nasafi (m. 294H).
2. Hammad bin Syakir al-Nasafi (m. 311H).
3. Muhammad bin Yusuf bin Matar al-Firabri (m. 320H).
4. Abu Talhah Mansur bin Muhammad al-Bazdawi (m. 329H).
5. al-Qadi Abu ‘Abdillah al-Husayn bin Isma‘il al-Mahamili (m. 330H).
6. Tahir bin Muhammad bin Makhlad al-Nasafi.[4]

Bagaimanapun, ada sebuah lagi riwayat yang tidak sebutkan, iaitu riwayat Abu Ja‘far Muhammad bin Hatim, juru tulis atau tukang salin (*warraq*) al-Bukhari. al-Firabri ada mencatatkan beberapa faedah yang dikutip daripada riwayat Abu Ja‘far Muhammad bin Hatim. Namun, tidak dapat dipastikan sama ada ia dapat diiktiraf sebagai sebuah nuskhah ataupun tidak.[5]

Riwayat yang paling masyhur dan banyak diriwayatkan orang sama ada dahulu mahupun sekarang ialah riwayat al-Firabri yang diriwayatkan secara bersambung melalui *sama*‘. Terdapat ramai perawi yang meriwayatkannya pula daripada al-Firabri. Antaranya:

1. Ibn al-Sakan: Abu ‘Ali Sa‘id bin ‘Uthman al-Misri yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Sakan (m. 353H). Ada seorang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu ‘Abdullah bin Muhammad bin Asad al-Juhani.
2. al-Mustamli: Abu Ishaq Ibrahim bin Ahmad al-Mustamli (m. 376H). Ada dua orang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abu Dhar ‘Abd bin Ahmad al-Harawi al-Maliki dan ‘Abd al-Rahman bin ‘Abdullah al-Hamdani.

4 Nama ini hanya disebut oleh al-Dhahabi dalam *Siyar A‘lam al-Nubala’* tanpa diketahui biodatanya secara detail. Lihat: Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, 2002, *al-Imam al-Yunini wa Juhuduh fi Hifz Sahih al-Imam al-Bukhari wa Tahqiq Riwayatih,* dalam Majallah al-Jami‘ah al-Islamiyyah, Palestin, vol. 10, bil. 1.

5 http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showth...&threadid=5701

3. al-Akhsikati: Abu Nasr Ahmad bin Muhammad al-Akhsikati (m. 376H). Ada seorang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Isma‘il bin Ishaq al-Saffar al-Zahid.
4. al-Marwazi: Abu Zayd Muhammad bin Ahmad al-Marwazi (m. 371H). Ada 3 orang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abu Muhammad ‘Abdullah bin Ibrahim al-Asili al-Maliki, Abu Nu‘aym Ahmad bin ‘Abdullah al-Asfahani dan ‘Ali bin Muhammad al-Qabisi al-Maliki.
5. al-Syabbuyi: Abu ‘Ali Muhammad bin ‘Umar bin Syabbuyah al-Syabbuyi (m. kira-kira 380H). Ada 2 orang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Sa‘id bin Ahmad al-Sayrafi dan ‘Abd al-Rahman al-Hamdani.
6. al-Jurjani: Abu Ahmad Muhammad bin Muhammad al-Jurjani (m. 373H). Ada 2 orang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abu Nu‘aym Ahmad bin ‘Abdullah al-Asfahani dan Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Qabisi.
7. al-Sarakhsi: Abu Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Hammuyah al-Hammuyi al-Sarakhsi (m. 381H). Ada 2 orang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abu Dhar ‘Abd bin Ahmad al-Harawi dan Abu al-Hasan ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin al-Muzaffar al-Dawudi.
8. al-Kusymihani: Abu al-Haytham Muhammad bin Makki al-Kusymihani (m. 389H). Ada 3 orang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abu Dhar ‘Abd bin Ahmad al-Harawi, Karimah binti Ahmad al-Marwaziyyah dan Abu Sahl Muhammad bin Ahmad al-Hafsi.
9. al-Kusyani: Isma‘il bin Muhammad al-Kusyani (m. 391H). Beliau perawi terakhir yang meriwayatkan daripada al-Firabri. Ada seorang perawi yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abu al-‘Abbas Ja‘far bin Muhammad al-Mustaghfiri.
10. Abu Sa‘id Ahmad bin Muhammad.
11. Muhammad bin Ahmad bin Mat al-Isytikhani. (m. 388H). Kedua-dua nama perawi ini disebut oleh al-Nawawi, namun tanpa menyebut sanad mereka.

12. Abu Luqman Yahya bin ‘Ammar al-Khatlani, yang berusia hingga 143 tahun.[6]
13. Abu Hamid Ahmad bin ‘Abdullah al-Nu‘aymi. (m. 386H)
14. Abu al-Hasan ‘Ali bin Ahmad al-Jurjani (m. 366H).

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, riwayat yang paling masyhur daripada al-Firabri ialah riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada tiga orang gurunya yang merupakan anak murid al-Firabri, iaitu al-Kusymihani, al-Hammuyi al-Sarakhsi dan al-Mustamli. Ini kerana riwayat beliau adalah riwayat yang paling *dabit* dan teliti dalam menentukan perbezaan lafaz-lafaz sanad dan matan.[7] Al-Firabri juga mendengar dan menerima *Sahih al-Bukhari* secara terus daripada al-Bukhari sebanyak dua kali, iaitu sekali di Firabr pada tahun 248H dan sekali lagi di Bukhara pada tahun 252H, iaitu 4 tahun sebelum kewafatan al-Bukhari.

Apa yang menghairankan, meskipun kesemua perawi ini mengambil riwayat mereka daripada al-Firabri seorang sahaja, namun berlaku perbezaan riwayat di kalangan mereka antara satu sama lain. Ini membuktikan bahawa perubahan berlaku disebabkan periwayatan mereka terhadap nuskhah *Sahih al-Bukhari*, bukannya datang daripada Imam al-Bukhari sendiri.

## Perbezaan Antara Nuskhah-Nuskhah *Sahih Al-Bukhari*

Terdapat beberapa perbezaan pada susunan kitab *Sahih al-Bukhari* antara satu nuskhah dengan nuskhah yang lain, seperti wujudnya riwayat tambahan pada sebahagian nuskhah yang tidak ada pada nuskhah yang lain dan wujudnya hadith yang didahulukan pada sebahagian nuskhah sedangkan nuskhah-nuskhah yang lain mengkemudiankannya. Di antara sebabnya, menurut al-Hafiz Ibn Hajar ialah kerana nuskhah asal *Sahih al-Bukhari* merupakan himpunan lembaran kertas yang tidak dijilid kemas. Boleh jadi ada lembaran yang termasuk ke tempat lain dan tertukar kedudukannya, lalu datang orang yang menyalin daripadanya dan hanya menyalin sahaja sepertimana yang sedia ada. Kerana itu berlaku perbezaan tersebut.

Menurut al-Hafiz Abu al-Walid al-Baji dalam *al-Ta’dil wa al-Tajrih* (التعديل والتجريح لمن خرج عنه البخاري في الجامع الصحيح):

6 http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showth...&threadid=5701

7 Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1986, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Rayyan, j. 1, h. 10.

> Dikhabarkan kepada kami oleh al-Hafiz Abu Dhar ‘Abd bin Ahmad al-Harawi; diberitakan kepada kami oleh Abu Ishaq al-Mustamli Ibrahim bin Ahmad katanya: “Aku telah menyalin kitab al-Bukhari daripada asalnya yang ada di sisi muridnya, Muhammad bin Yusuf al-Firabri. Lalu aku dapati beberapa perkara ianya belum lagi sempurna dan terdapat beberapa tempat yang dikosongkan, antaranya judul-judul bab yang tidak ditulis apa-apa selepasnya dan juga terdapat hadith-hadith yang tidak diberikan sebarang judul bab di atasnya. Lalu kami gabungkan sahaja sebahagian tadi kepada sebahagian yang lain”.[8]

Menurut al-Hafiz al-Baji lagi:

> “Antara bukti kebenaran kata-kata tersebut ialah didapati dalam riwayat Abu Ishaq al-Mustamli, Abu Muhammad al-Sarakhsi, Abu al-Haytham al-Kusymihani dan Abu Zayd al-Marwazi ada teks yang didahulukan dan dikemudiankan, sedangkan mereka semua menyalinnya daripada nuskhah asal yang sama. Ini berlaku kerana mengikut jangkaan yang mampu diagak oleh setiap orang daripada mereka terhadap sesuatu teks yang terkandung dalam satu kertas tambahan bahawa ianya adalah sebahagian daripada satu tempat tertentu dalam kitab *Sahih al-Bukhari*, lantas ia disandarkan terus kepadanya. Lebih menjelaskan lagi, anda akan dapati dua judul bab ataupun lebih dari itu bersambung terus tanpa ada di antaranya sebarang hadith”.[9]

Al-Hafiz Ibn Hajar di dalam *Hady al-Sari* menyokong pendapat al-Baji ini, katanya:

> “Ini adalah suatu kaedah yang baik yang dapat digunakan ketika sukar untuk mengharmonikan di antara judul sesuatu bab dan juga hadithnya. Ia berlaku pada beberapa tempat yang agak sedikit bilangannya”.[10]

---

8 Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1986, *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari*, Kaherah: Dar al-Rayyan, h. 10.

9 *Ibid*.

10 *Ibid.*

Pada hemat penulis, pandangan al-Hafiz al-Baji dan al-Hafiz Ibn Hajar ini lebih dapat diterima, meskipun ia tidak dipersetujui oleh al-Qastallani dalam *Irsyad al-Sari* (juz. 1, hal. 34). Menurut Syeikh Muhammad Zahid al-Kawthari, bilangan hadith-hadith Sahih al-Bukhari dalam riwayat al-Firabri melebihi bilangannya dalam riwayat Ibrahim bin Ma‘qal al-Nasafi sebanyak 200 buah hadith. Dan bilangannya dalam riwayat Ibrahim bin Ma‘qal al-Nasafi pula melebihi bilangannya dalam riwayat Hammad bin Syakir al-Nasafi sebanyak 100 buah hadith, sebagaimana yang disebut oleh al-‘Iraqi.[11]

Meskipun *Sahih al-Bukhari* telah dikarang oleh Imam al-Bukhari dalam tempoh selama 16 tahun, namun bagi menjelaskan persoalan ini, Dr. Muhammad ‘Abd al-Karim ‘Ubayd berpendapat;

> Kami melihat Imam al-Bukhari sebenarnya mempunyai beberapa salinan yang ditinggalkan di dalamnya beberapa tempat kosong. Kemungkinan ini munasabah kerana kebiasaannya beliau menyusun kitab-kitabnya lebih daripada satu kali.[12] Ini menunjukkan keprihatinan dan kehalusannya di dalam bidang penulisan. Beliau sentiasa menyaring dan merujuk semula apa yang telah ditulis dan diiriwayatkannya sehinggalah hatinya merasa tenang dengan hasil penulisan terakhir bagi kitab-kitabnya. Memandangkan situasi genting yang dihadapi oleh beliau di akhir-akhir hayatnya, menyebabkan beliau terpaksa berhijrah ke beberapa negeri sehinggalah akhirnya beliau meninggal dunia dalam keadaan berjauhan dari perpustakaan dan kitab-kitabnya, tanpa berpeluang untuk beliau menyempurnakan tempat-tempat kosong berkenaan.[13]

Pendapat ini dipersetujui Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, katanya:

11 Lihat: Muhammad Zahid al-Kawthari dalam ulasannya atas kitab *Syurut al-A’immah al-Khamsah* oleh Muhammad bin Musa al-Hazimi, 1997, tahkik: ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, hlm. 172-173.

12 Menurut riwayat Muhammad bin Abi Hatim *warraq* al-Bukhari, Imam al-Bukhari mengarang semua kitab-kitabnya sebanyak tiga kali. Lihat: Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1986, *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari*, h. 512.

13 Muhammad ‘Abd al-Karim ‘Ubayd, *Riwayat wa Nusakh al-Jami‘ al-Sahih li al-Imam al-Bukhari: Dirasah wa Tahlil*. atas talian http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?p=62244.

Dengan sebab kekosongan pada kitab asal inilah berbezanya nuskhah-nuskhah *Sahih al-Bukhari*.[14]

Perbezaan-perbezaan ini amat dititik beratkan oleh sebahagian ulama bagi memastikan ketulenan periwayatan hadith-hadith al-Bukhari. Di antara mereka yang berbuat demikian ialah al-Hafiz al-Yunini.

**Biografi al-Hafiz al-Yunini**

Nama penuh Al-Hafiz al-Yunini ialah Syaraf al-Din Abu al-Husayn ‘Ali ibn Muhammad bin Ahmad bin ‘Abdullah bin ‘Isa al-Yunini al-Ba‘li al-Hanbali.[15] Al-Yunini adalah nisbah kepada Yunin, nama sebuah kampung di Ba‘labak, di Syam. Beliau lahir pada tahun 621H dan meninggal dunia tahun 701 Hijrah.

Antara guru-gurunya ialah bapa beliau sendiri, Muhammad al-Yunini, al-Irbili, al-Hafiz al-Mundhiri, Ja‘far al-Hamdani, Ibn ‘Abd al-Salam dan lain-lain.[16] Beliau rajin dan gigih menimba ilmu serta menghafaz banyak hadith hingga menjadi salah seorang ulama hadith besar di zamannya. Beliau pernah ditanya: “Adakah tuan menghafal *al-kutub al-sittah*?” Jawab beliau: “Saya menghafalnya, namun saya tidak menghafalnya”. Orang yang bertanya tadi mencelah: “Macam mana itu?” Jelas beliau: “Aku menghafal kitab *Musnad Ahmad*, sedang kitab *Musnad* tersebut tidak tertinggal daripada *al-kutub al-sittah* melainkan cuma sedikit”.[17] Maksudnya, hadith-hadith kitab *Musnad Imam Ahmad* sebenarnya merangkumi kebanyakan hadith-hadith di dalam *al-kutub al-sittah* dan tiada yang tertinggal daripadanya kecuali sedikit sahaja. Sebagaimana yang sedia maklum, bilangan hadith-hadith *Musnad Imam Ahmad* mencecah hampir 28,000 buah hadith. Maka, ini cukup membuktikan kemampuan dan kekuatan hafalan beliau.

---

14 Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, 2002, *al-Imam al-Yunini wa Juhuduh fi Hifz Sahih al-Imam al-Bukhari wa Tahqiq Riwayatih*, dalam Majallah al-Jami‘ah al-Islamiyyah, Palestin, vol. 10, bil. 1.

15 Lihat: al-Dhahabi, *Mu‘jam al-Syuyukh*, j. 2, h. 40. dan *Tadhkirah al-Huffaz*, j. 4, h. 1500. Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, j. 14, h. 21. Ibn Hajar, *al-Durar al-Kaminah*, j. 3, h. 98. Ibn Taghri Bardi, *al-Nujum al-Zahirah*, j. 8, h. 198. al-Suyuti, *Tabaqat al-Huffaz*, h. 516. Ibn al-‘Imad, *Syadharat al-Dhahab*, j. 6, h. 3.

16 Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir, 1422H, *Muqaddimah Sahih al-Bukhari*, dalam: Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, salinan cetakan Bulaq, Mesir: al-Matba‘ah al-Amiriyyah 1313H, Beirut: Dar Tawq al-Najah & Jeddah: Dar al-Minhaj, h. 40.

17 Al-Hafiz Muhammad ibn Muhammad ibn al-Jazari, 1990, *al-Mus‘ad al-Ahmad fi Khatm Musnad al-Imam Ahmad*, Riyadh: Maktabah al-Tawbah, h. 12.

Antara anak-anak muridnya yang masyhur ialah al-Hafiz al-Dhahabi, al-Birzali dan lain-lain. Beliau amat meminati dan mengambil berat terhadap kitab *Sahih al-Bukhari*. Kata muridnya, al-Hafiz al-Dhahabi:

> "Beliau (Abu al-Husayn al-Yunini) memberitakan kepadaku bahawa beliau telah membuat *muqabalah* kitab *Sahih al-Bukhari* dalam masa satu tahun serta memperdengarkannya sebanyak sebelas kali".[18]

Membuat *muqabalah* (komparatif) antara riwayat-riwayat *Sahih al-Bukhari* ini tentunya bukan suatu kerja yang mudah. Pastinya beliau perlu meneliti setiap manuskrip yang ada di tangannya satu persatu bagi memastikan kesamaan dan perbezaan yang berlaku antara riwayat-riwayat yang banyak dalam manuskrip-manuskrip tersebut. Berkat kegigihan dan kesungguhannya, maka kitab *Sahih al-Bukhari* versi beliau ini dianggap versi yang paling utama dan penting bagi kitab *Sahih al-Bukhari*.[19]

***Al-Nuskhah al-Yuniniyyah Bagi Sahih al-Bukhari***

Nuskhah al-Yunini dianggap sebagai nuskhah *Sahih al-Bukhari* yang terbaik dan paling teliti. Sehinggakan perbezaan-perbezan yang paling kecil sekalipun antara riwayat-riwayat *Sahih al-Bukhari* diberi perhatian oleh al-Yunini, seperti perbezaan antara (حدَّثني) dengan (حدَّثنا), (مَثَلُ) dengan (مِثْلُ), (النبيّ) dengan (رسول الله), (قال) dengan (فقال), (ربّما) dengan (وربّما), (قد) dengan (وقد), (ناس) dengan (أناس), dan sebagainya. Menurut al-Dhahabi, al-Yunini telah membuat komparatif antara nuskhah-nuskhah *Sahih al-Bukhari* dan memperdengarkannya dalam tempoh setahun sebanyak 11 kali.[20]

Dalam salah satu majlis pengajian kitab *Sahih al-Bukhari*nya turut dihadiri oleh tokoh nahu terkenal, Imam Jamal al-Din Muhammad ibn Malik al-Jayyani (m. 672H). Ketika itu, Ibn Malik baru berhijrah dari Andalus dan menetap di Dimasyq. Al-Hafiz al-Yunini dan ramai ulama hadith telah meminta daripada beliau untuk menjelaskan dan memperbetulkan masalah-masalah berkaitan lafaz dan riwayat hadith *Sahih al-Bukhari* dari segi tatabahasa Arab. Maka beliau pun menunaikan permintaan mereka. Majlis

---

18 Al-Hafiz Muhammad Ahmad 'Uthman al-Dhahabi, 1990, *Mu'jam al-Syuyukh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 376.

19 Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir, 1422H, *op.cit.*, hlm. 43.

20 Muhammad 'Abd al-Karim 'Ubayd, *Riwayat wa Nusakh al-Jami' al-Sahih li al-Imam al-Bukhari: Dirasah wa Tahlil*. atas talian http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?p=62244.

pengajian kitab *Sahih al-Bukhari* tersebut telah diadakan di dalam 71 buah majlis, di mana al-Hafiz al-Yunini menyampaikan pengajian sekaligus berserta komparatif dan koreksi, manakala Ibn Malik pula mendengar dan memeriksanya dari segi tatabahasa. Secara tidak langsung, Imam Ibn Malik menjadi murid kepada al-Hafiz al-Yunini di dalam bidang hadith - walaupun usianya 20 tahun lebih tua -, manakala al-Hafiz al-Yunini pula menjadi murid kepada Imam Ibn Malik dari sudut tatabahasa Arab. Imam Ibn Malik turut menyusun untuk mereka kitab (شواهد التوضيح وَالتصحيح لمشكلات الجامع الصحيح).

Setelah selesai majlis, beliau telah menulis di atas lembaran pertama juzuk yang terakhir bagi nuskhah *Sahih al-Bukhari* tersebut demikian;

((سمعت ما تضمنه هذا المجلد من صحيح البخارى رضى الله عنه بقراءة **سيدنا الشيخ الإمام العالم الحافظ المتقن شرف الدين أبي الحسين علي بن محمد بن أحمد اليونيني رضى الله عنه وَعن سلفه**، وكان السماع بحضرة جماعة من الفضلاء ناظرين في نسخ معتمد عليها ، فكلما مرَّ بهم لفظ ذو إشكال بينت فيه الصواب، وَضبطته على ما اقتضاه علمى بالعربيَّة ، وما افتقر إلى بسط عبارة وَإقامة دلالة أخرت أمره إلى جزءٍ أستوفى فيه الكلام مما يحتاج إليه من نظير وَشاهد ليكون الانتفاع به عاماً، وَالبيان تاماً، إن شاء الله تعالى، وكتبه محمد بن عبدالله بن مالك حامداً لله تعالى)). اهـــ

Kemudian al-Hafiz al-Yunini menulis pula di bahagian akhir lembaran juzuk tersebut demikian;

((بلغت مقابلة وتصحيحاً وَإسماعاً بين يدى **شيخنا شيخ الإسلام حجة العرب، مالك أزمة الأدب، العلامة أبي عبدالله بن مالك الطائى الجياني أمد الله عمره**، في المجلس الحادى وَالسبعين وهو يراعى قراءتي وَيلاحظ نطقي فما اختاره ورجحه وأمر بإصلاحه أصلحته وصححت عليه وما ذكر أنه يجوز فيه إعرابان أو ثلاثة كتبت عليه معاً، فأعملت ذلك على ما أمر ورجح وأنا أقابل بأصل الحافظ أبي ذر والحافظ أبي محمد الأصيلي والحافظ أبي القاسم الدمشقي ما خلا الجزء الثالث عشر والثالث والثلاثين فإنهما معدومان، وبأصل مسموع على الشيخ أبي الوقت بقراءة الحافظ أبي منصور السمعاني وغيره من الحفاظ ، وهو وقف بخانقاه السميساطي وعلامات ما وافقتُ أبا ذر (ه) والأصيلي (ص) والدمشقي (ش) وأبا الوقت (ظ)، فليعلم ذلك، وقد ذكرت ذلك في أول الكتاب في فرخة لتعليم الرموز ، وكتبه محمد بن محمد الهاشمي اليونيني عفا الله عنه)). اهـــ[٢١]

Dalam catatan di atas, Al-Hafiz al-Yunini menyebutkan bahawa beliau telah menggunakan beberapa *rumuz* (simbol) khusus bagi

21 Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, 1422H, *Sahih al-Bukhari*, salinan cetakan Bulaq, Mesir: al-Matba'ah al-Amiriyyah tahun 1313H, ed. Muhammad Zuhayr al-Nasir, terbitan Beirut: Dar Tawq al-Najah & Jeddah: Dar al-Minhaj, hlm. 3-4.

memudahkan kerja-kerja perbandingan dilakukan. Secara terperinci, *rumuz* yang digunakan oleh beliau adalah sepertimana berikut:

| | |
|---|---|
| ذ أو ه | لأبي ذرّ الهَرَوِيّ |
| ص | للأَصِيلي |
| س أو ش | لابن عساكر |
| ط أو ظ | لأبي الوقت |
| هـ | للكُشْمِيهَني |
| حـ | للحَمُّوي |
| سـ | للمُسْتَمْلي |
| ك | لكريمة |
| حهـ | للحَمُّوي والكُشْمِيهَني |
| حسـ | للحَمُّوي والمُسْتَمْلي |
| سهـ | للمُسْتَمْلي والكُشْمِيهَني |
| ة | أو غيرها توجد تحت حهـ و حسـ إشارة إلى روايته عنهما |
| لا | توجد قبل الرمز إشارة إلى سقوط الكلمة الموضوعة عليها عند أصحاب الرمز |
| إلى | في آخر الجملة التي عليها ( لا ) إشارة إلى آخر الساقط عند صاحب الرمز |
| م | علامة التقديم والتأخير |
| ع | لعلها لابن السمعاني |
| ج | لعلها للجُرجاني |
| ق | لأبي الوقت (1) ( ويرمز به أحياناً ) |
| خ | لم يُعلم صاحبها |
| عط | لم يُعلم صاحبها |

| | |
|---|---|
| [illegible] | لم يُعلم صاحبها |
| [illegible] | لم يُعلم صاحبها |
| [illegible] | إشارة إلى أنها نسخة أخرى |
| [illegible] | إشارة إلى صحة هذه الكلمة عند المرموز له ، أو عند الحافظ اليونيني |

Kemasyhuran *al-Nuskhah al-Yuniniyyah* ini, mendorong Khalifah ‘Uthmani Sultan ‘Abd al-Hamid al-Thani memerintahkan pada tahun 1311H agar kitab *Sahih al-Bukhari* dicetak berdasarkan *al-Nuskhah al-Yuniniyyah* tersebut. Perintah tersebut dilaksanakan pada tahun itu juga dan siap sepenuhnya pada tahun 1313H di dalam 9 juzuk. Kitab tersebut dicetak di al-Matba‘ah al-Amiriyyah, Bulaq, Mesir dan pentashihannya dilakukan oleh Syeikh ‘Ali al-Makkawi serta badan pentashih di al-Matba‘ah al-Amiriyyah. Setelah selesai, kitab tersebut dirujukkan pula kepada Syeikh al-Azhar Syeikh Hassunah al-Nawawi, dan beliau telah menyemaknya bersama badan penyemak yang terdiri daripada 16 orang alim ulama. Cetakan al-Matba‘ah al-Amiriyyah ini juga dikenal sebagai *al-Nuskhah al-Sultaniyyah*.

*Al-Nuskhah al-Yuniniyyah* turut diguna pakai oleh Imam Syihab al-Din al-Qastallani (m. 923H) secara harfi, kalimah demi kalimah, di dalam mensyarahkan *Sahih al-Bukhari* dalam kitabnya *Irsyad al-Sari* seperti yang dinyatakan oleh beliau di awal kitab. Maka, syarahan al-Qastallani dianggap istimewa dari sudut tumpuan khususnya terhadap perbezaan-perbezaan riwayat *Sahih al-Bukhari* melalui versi al-Yunini.[22] Ini berbeza dengan al-Hafiz Ibn Hajar (m. 852H) di dalam kitab *Fath al-Bari* yang banyak menggunakan versi *Sahih al-Bukhari* riwayat Abu ‘Ali al-Sadafi (m. 514H), guru kepada Ibn Sa‘adah al-Andalusi (m. 566H) sebagai landasan syarahnya.[23] Namun, berkemungkinan beliau juga turut mengambil manfaat

22 Lihat: Mukadimah Syeikh Ahmad Muhammad Syakir, dalam *Sahih al-Bukhari*, cetakan Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, j., h. 1.

23 Sebagaimana kata-kata anak murid beliau, al-Hafiz al-Sakhawi. Lihat: Dr. Muhammad ‘Abd al-Karim ‘Ubayd, *Riwayat wa Nusakh al-Jami’ al-Sahih li al-Imam al-Bukhari: Dirasah wa Tahlil*.

Nuskhah Ibn Sa‘adah terkenal di kalangan Magharibah (ulama sebelah barat dunia Islam), yang merupakan riwayat beliau daripada Abu ‘Ali al-Sadafi, daripada al-Baji, daripada Abu Dhar al-Harawi. Manakala nuskhah al-Yunini terkenal di kalangan Masyariqah. (lihat: Dr. Yusuf al-Kattani, *al-Imam al-Bukhari Amir al-Mu’minin fi al-Hadith*, h. 47)

daripada *al-Nuskhah al-Yuniniyyah* ini, walaupun beliau tidak menyatakan secara jelas yang beliau menggunakannya sebagai rujukan penting di dalam syarahnya. Beliau didapati ada menyebut sekali sahaja yang beliau merujuk kepada versi al-Yunini ini di dalam *Hady al-Sari*, mukadimah kitabnya *Fath al-Bari*, iaitu dalam membincangkan nama-nama perawi yang samar.[24]

24 Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari,* Kaherah: Dar al-Rayyan, h. 219.



Kedetailan al-Yunini dalam membuat perbandingan antara nuskhah-nuskhah *Sahih al-Bukhari*
dapat dilihat dalam contoh petikan di atas.


**Nuskhah-Nuskhah *Sahih Al-Bukhari* yang Dijadikan Perbandingan oleh Al-Yunini:**

Al-Yunini didapati telah menggunakan 14 buah riwayat *Sahih Al-Bukhari* melalui jalan riwayat al-Firabri dalam membuat perbandingan antara teks-teks di dalamnya secara detail dan terperinci. Ini ditunjukkan dengan 14 *rumuz* (simbol) yang digunakan oleh beliau di dalam nuskhahnya, sepertimana yang telah dipaparkan tadi.[25] Iaitu:

1. Nuskhah al-Mustamli (m. 376H)
2. Nuskhah al-Hammuyi (m. 381H)
3. Nuskhah al-Kusymihani (m. 389H)
4. Nuskhah Abu Ahmad al-Jurjani (m. 366H)
5. Nuskhah Abu Dhar al-Harawi (m. 435H)
6. Nuskhah Karimah al-Marwaziyyah (m. 465H)
7. Nuskhah al-Qabisi (m. 403H)
8. Nuskhah al-Asili (m. 392H)
9. Nuskhah Abu al-Waqt (m. 553H)
10. Nuskhah al-Sam‘ani (m. H)
11. Nuskhah Ibn ‘Asakir (m. 571H). Namun tidak dapat dipastikan adakah beliau meriwayatkannya daripada Ibn Sadaqah ataupun daripada al-Fudayli.
12. Nuskhah yang tidak diketahui periwayatnya.
13. Nuskhah yang tidak diketahui periwayatnya.
14. Nuskhah yang tidak diketahui periwayatnya.

25 *Ibid*.

Berikut adalah carta bagi sanad periwayatan nuskhah-nuskhah tersebut;




**CONTOH-CONTOH KEUNIKAN *AL-NUSKHAH AL-YUNINIYYAH***

**1. Memperlihatkan Perbezaan Pada Judul-judul Kitab Kecil Dan Bab Dalam *Sahih al-Bukhari***

**i.** Dalam kitab kecil yang terakhir dalam *Sahih al-Bukhari* iaitu kitab *al-Tawhid* (كتاب التوحيد), al-Yunini mencatatkan bahawa judulnya dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada jalur al-Mustamli ialah kitab *al-Radd ʻala al-Jahmiyyah wa Ghayrihim* (كتاب الرد على الجهمية وغيرهم). (juz. 9, hal. 139)

**ii.** Manakala berkaitan judul-judul bab, misalnya amat banyak ditemukan. Contoh dalam kitab *al-Salah*, bab meratakan belakang badan ketika ruku‘.

بَاب اسْتِوَاءِ الظَّهْرِ فِي الرُّكُوعِ، وَقَالَ أَبُو حُمَيْدٍ فِي أَصْحَابِهِ: رَكَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ هَصَرَ ظَهْرَهُ.

Terjemahan: Bab menyama-ratakan belakang badan ketika ruku‘. Kata Abu Humayd pada sahabat-sahabatnya: Nabi

SAW ruku‘, kemudian baginda meratakan belakang badannya.

Dalam sesetengah nuskhah, didapati pada bab ini dibawakan dua buah hadith, iaitu hadith pertama (no. hadith 750) tentang tempoh masa solat yang sempurna:

حَدَّثَنَا بَدَلُ بْنُ الْمُحَبَّرِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي الْحَكَمُ عَنْ ابْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ الْبَرَاءِ قَالَ: كَانَ رُكُوعُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسُجُودُهُ وَبَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنْ الرُّكُوعِ مَا خَلَا الْقِيَامَ وَالْقُعُودَ قَرِيبًا مِنْ السَّوَاءِ.

Terjemahan matan: Kata al-Bara’: “Ruku‘ Nabi SAW, sujudnya, antara dua sujud dan apabila mengangkat kepalanya dari ruku‘ melainkan berdiri dan duduk (tempoh masanya) adalah hampir sama”.

Dan seterusnya hadith kedua (no. hadith 751) tentang Nabi s.a.w. memerintahkan seorang yang tidak menyempurnakan ruku‘ dan sujud agar mengulang semula solatnya:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ أَخْبَرَنِي يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ الْمَقْبُرِيُّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَدَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَدَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ السَّلَامَ فَقَالَ: ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ فَصَلَّى ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ ثَلَاثًا، فَقَالَ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ فَمَا أُحْسِنُ غَيْرَهُ فَعَلِّمْنِي. قَالَ: **إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنْ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا**.

Terjemahan matan: Dari Abu Hurairah r.a. katanya: “Nabi SAW pernah masuk ke dalam masjid dan tidak lama kemudian, masuk pula seorang lelaki lalu dia bersolat. Sesudah solat dia datang sambil memberi salam kepada Nabi SAW. Maka Nabi SAW pun menjawab salamnya sambil bersabda: "Ulanglah semula solatmu, kerana sesungguhnya kamu belum bersolat." Lalu orang itu mengulang semula solatnya. Kemudian dia datang lagi sambil memberi salam kepada Nabi SAW. Namun, baginda bersabda lagi: "Ulanglah semula solatmu, kerana sesungguhnya kamu belum bersolat." Ini berlaku sampai

> tiga kali. Kemudian lelaki itu berkata: "Demi Allah yang telah mengutusmu dengan kebenaran, tidaklah aku pandai selain dari cara yang begitu, maka ajarilah aku." Sabda Nabi SAW: "Apabila engkau berdiri hendak solat, bacalah takbir. Sesudah itu bacalah ayat-ayat al-Quran yang mudah bagimu. Kemudian rukuk sehingga kamu tenang berkeadaan rukuk. Sesudah itu bangkit dari rukuk sehingga kamu stabil berkeadaan berdiri. Kemudian sujud sehingga kamu tenang berkeadaan sujud. Sesudah itu bangkit dari sujud sehingga kamu tenang berkeadaan duduk. Kemudian sujud lagi sehingga kamu tenang berkeadaan sujud. Kemudian perbuatlah seterusnya demikian di dalam solatmu keseluruhannya."

Kedua-dua hadith ini kelihatan tidak menyentuh secara langsung dengan judul bab di atas mengenai meratakan belakang badan ketika ruku‘. Manakala riwayat Abu Humayd yang ringkas dan secara *mu‘allaq* (tanpa sanad) pada judul bab tersebut diriwayatkan secara penuh lengkap di dalam bab lain berjudul: (بَاب سُنَّةِ الْجُلُوسِ فِي التَّشَهُّدِ) (no. hadith 785).

Merujuk kepada *al-Nuskhah al-Yuniniyyah*, dapat diketahui bahawa hadith pertama di atas sebenarnya mempunyai judul babnya yang sendiri menurut riwayat Abu Dhar al-Harawi, al-Asili, Ibn ‘Asakir dan Abu al-Waqt iaitu: (بَاب حَدِّ إِتْمَامِ الرُّكُوعِ). Manakala dalam riwayat al-Hammuyi dan al-Kusymihani berbunyi (بَاب حَدِّ إِتْمَامِ الرُّكُوعِ وَالاعْتِدَالِ فِيهِ وَالاطْمَأْنِينَةِ). Begitu juga hadith kedua di atas turut mempunyai judul babnya yang sendiri menurut riwayat al-Asili, Ibn ‘Asakir, Abu al-Waqt dan riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada jalur al-Hammuyi dan al-Kusymihani iaitu (بَاب أَمْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِي لَا يُتِمُّ رُكُوعَهُ بِالْإِعَادَةِ). (juz. 1, hal. 200)

Maka jelaslah bahawa bab tentang meratakan belakang badan ketika ruku‘ tadi sebenarnya tidak dibawakan sebarang hadith bersanad oleh al-Bukhari.

- Antara judul bab yang tidak dibawakan sebarang hadith padanya ialah bab (باب انتقام الرب جل وعز من خلقه بالقحط إذا انتهك **محارم الله**) yang terletak antara (بَاب تَحْوِيلِ الرِّدَاءِ فِي الِاسْتِسْقَاءِ) dan (بَاب الِاسْتِسْقَاءِ فِي الْمَسْجِدِ الْجَامِعِ). Al-Yunini mencatatkan bahawa judul bab ini hanya wujud di dalam riwayat al-Hammuyi. Secara

detail beliau juga mencatatkan hujung lafaz riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada jalur al-Hammuyi ialah sedemikian; (إذا انتهك محارمه …). (juz. 2, hal. 34).

- Misal lain, dalam bab (باب الغزو على الحمير) yang terletak dalam kitab *al-Jihad*. Al-Yunini mencatatkan bahawa judul bab ini hanya wujud dalam riwayat Abu Dhar daripada al-Mustamli sahaja. (juz. 4, hal. 39).

**iii.** Ada juga hadith yang mempunyai judul bab dalam sesetengah nuskhah, tetapi tiada dalam nuskhah yang lain, seperti hadith (1883):

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ قَالَ: خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُخْبِرَنَا بِلَيْلَةِ الْقَدْرِ فَتَلَاحَى رَجُلَانِ مِنْ الْمُسْلِمِينَ فَقَالَ : خَرَجْتُ لِأُخْبِرَكُمْ بِلَيْلَةِ الْقَدْرِ فَتَلَاحَى فُلَانٌ وَفُلَانٌ فَرُفِعَتْ وَعَسَى أَنْ يَكُونَ خَيْرًا لَكُمْ فَالْتَمِسُوهَا فِي التَّاسِعَةِ وَالسَّابِعَةِ وَالْخَامِسَةِ .

Terjemahan: Dari ‘Ubadah bin al-Samit katanya: “Pernah Nabi SAW keluar untuk memberitahu kami tentang Lailatul Qadar, namun kebetulan ada dua orang lelaki daripada kalangan orang Islam telah bergaduh. Maka baginda bersabda: “Aku telah keluar untuk memberitahu kamu sekalian tentang Lailatul Qadar, namun si fulan dan si fulan telah bergaduh, oleh kerana itu ia telah diangkat kembali. Mudah-mudahan itu lebih baik bagi kamu sekalian. Maka carilah Lailatul Qadar pada malam ke 9, ke 7 dan ke 5.”

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi, Abu al-Waqt dan Ibn ‘Asakir hadith ini di bawah judul bab: (رفع معرفة ليلة القدر لتلاحي الناس) yang mana judul bab ini tidak wujud dalam riwayat-riwayat lain. (juz. 3, hal. 61)

**2. Memberi Kefahaman Tentang Perbezaan Bilangan Kitab Kecil dan Bab Dalam *Sahih al-Bukhari***

Bilangan kitab kecil dan bab berbeza antara satu nuskhah dengan nuskhah yang lain. Misalnya dalam *Sahih al-Bukhari* yang dicetak berserta syarahnya *Fath al-Bari* terbitan al-Matba‘ah al-Salafiyyah yang turut diselenggara oleh Syeikh Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi, didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 97 buah kitab dan bilangan babnya pula sebanyak 3,261 buah bab.

Tetapi di dalam kitab *Taysir al-Manfa‘ah* susunan Syeikh Muhammad Fu’ad, dinyatakan bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 91 buah kitab dan bilangan babnya pula adalah sebanyak 3,889 buah bab. Ini

hampir sama dengan kiraan Syeikh ‘Abdullah al-Ghunayman dalam kitabnya *Dalil al-Qari ila Mawadi‘ al-Hadith min Sahih al-Bukhari*, di mana bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 91 kitab dan bilangan babnya sebanyak 3,882 buah bab. Manakala dalam kitab *Faharis al-Bukhari* susunan Syeikh Ridwan Muhammad Ridwan, didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 91 buah kitab dan bilangan babnya lebih kurang sebanyak 3,777 buah bab.

Di dalam kitab *Fihris Ahadith wa Athar Sahih al-Bukhari* didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 100 buah kitab dan bilangan babnya pula sebanyak 3,733 buah bab. Ini berbeza dengan kenyataan kitab *Kasyf al-Zunun*, di mana Haji Khalifah mencatatkan bilangan kitab kecilnya adalah lebih dari 100 buah kitab dan bilangan babnya pula adalah sebanyak 3,450 buah bab. Di dalam kitab *Dalil Faharis al-Bukhari li al-Kutub wa al-Abwab al-Asasiyyah* oleh Syeikh Mustafa al-Bayyumi, didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 126 buah kitab, namun beliau tidak mengira jumlah bab keseluruhannya.

Di dalam mukadimah *Miftah Sahih al-Bukhari* oleh Syeikh al-Tuqadi disebutkan bahawa bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 68 buah kitab, lebih sedikit berbanding yang lain-lain dan bilangan babnya pula sebanyak 3,730 buah bab.

Menurut Syeikh ‘Abd al-Ghani ‘Abd al-Khaliq di dalam kitabnya *al-Imam al-Bukhari wa Sahihuh* berhubung perbezaan pengiraan kitab–kitab kecil dan bab-bab dalam *Sahih al-Bukhari* ini;

> Secara zahirnya, perselisihan ini berpunca daripada perbezaan nuskhah-nuskhah *Sahih al-Bukhari* dan juga kerana ada yang menganggap sesuatu bab itu sebagai sebuah kitab kecil.[26]

Dengan merujuk kepada *al-Nuskhah al-Yuniniyyah*, kita dapati kebenaran kata-kata Syeikh ‘Abd al-Ghani ‘Abd al-Khaliq itu. Amat banyak didapati perbezaan di dalam menganggap sesuatu bahagian itu sebagai ‘bab’ ataupun ‘kitab’. Misalnya (**باب** مواقيت الصلاة وفضلها), di dalam riwayat al-Mustamli dan Abu Dhar al-Harawi disebut sebagai (**كتاب** مواقيت الصلاة وفضلها).

26 Lihat: ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah dalam ulasannya atas kitab *Kasyf al-Iltibas ‘amma Awradahu al-Imam al-Bukhari ‘ala Ba‘d al-Nas* oleh Syeikh ‘Abd al-Ghani al-Ghunaymi al-Maydani, 1993, Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, hlm. 6 & 99.

Manakala dalam riwayat al-Asili hanya menyebut (مواقيت الصلاة وفضلها) tanpa menyebut 'bab' atau 'kitab'. (juz. 1, hal. 139)

Pada bahagian (**باب** التيمم), di dalam riwayat al-Asili, Abu Dhar al-Harawi, Ibn 'Asakir dan Abu al-Waqt disebut sebagai (**كتاب** التيمم). (juz. 1, hal. 91).

Pada bab (**باب** في العيدين والتجمل فيه) didapati dalam riwayat Ibn 'Asakir disebut (**كتاب** العيدين), manakala dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada al-Hammuyi disebut (**أبواب** العيدين). Dan didapati *damir* (والتجمل فيه) lebih tepat dalam riwayat al-Kusymihani iaitu (والتجمل فيهما ...). (juz. 2, hal. 20)

Dalam bahagian (**باب** الاستسقاء), didapati dalam riwayat al-Asili dan Abu al-Waqt menyebutnya sebagai (**كتاب** الاستسقاء), manakala dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi disebut (**أبواب** الاستسقاء). (juz. 2, hal. 32)

Pada bab (**باب** ما جاء في الوتر) pula didapati dalam riwayat Abu al-Waqt disebut (**كتاب** الوتر), manakala dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada al-Hammuyi dan al-Mustamli disebut (**أبواب** الوتر).

**3. Menyatakan Perbezaan Lafaz Dalam Matan Hadith**

i. Contoh 1, hadith:

مَا بَيْنَ **بَيْتِي** وَمِنْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ

Terjemahan: "Apa yang di antara <u>rumahku</u> dan minbarku adalah satu taman daripada taman-taman syurga".

Al-Bukhari meriwayatkan lafaz hadith ini beberapa kali, dua dalam kitab *al-Jumu'ah* (1120, 1121), satu dalam kitab *al-Hajj* (1755), satu dalam kitab *al-Riqaq* (6100), dan satu dalam kitab *al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah* (6790). Di dalam kitab al-Hajj, kebanyakan riwayat menyebut (بَيْتِي) tetapi di dalam riwayat Ibn 'Asakir dicatat lafaz (قبري) iaitu <u>kuburku</u>. (juz. 3, hal. 29).

ii. Contoh 2, hadith:

يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ **وَيَنْقُصُ الْعَمَلُ** وَيُلْقَى الشُّحُّ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ. قَالُوا: وَمَا الْهَرْجُ؟ قَالَ: الْقَتْلُ الْقَتْلُ.

Terjemahan: "Masa akan menjadi dekat (singkat), <u>amalan akan berkurangan</u>, sifat bakhil akan dicampakkan dan berlaku banyak *haraj*. Para sahabat bertanya: Apakah dia *haraj* itu? Jawab baginda: Pembunuhan, pembunuhan".

Al-Bukhari meriwayatkan hadith ini dalam kitab *al-Adab* (5577) dan kitab *al-Fitan* (6537). Pada kedua-dua tempat tersebut, didapati riwayat al-Kusymihani dan Abu Dhar al-Harawi mencatatkan lafaz (وَيَنْقُصُ **الْعَمَلُ**) sebagai (وَيَنْقُصُ **الْعِلْمُ**) iaitu ilmu akan berkurangan. (juz. 8, hal. 17). Manakala riwayat Abu al-Waqt dalam kitab *al-Fitan* menyebut (**وَيُقْبَضُ** الْعِلْمُ) iaitu ilmu akan dicabut. (juz. 9, hal. 61).

iii. Contoh 3, hadith (272):

عَنْ مَيْمُونَةَ قَالَتْ: سَتَرْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَغْتَسِلُ مِنْ الْجَنَابَةِ فَغَسَلَ يَدَيْهِ ثُمَّ صَبَّ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَغَسَلَ فَرْجَهُ وَمَا أَصَابَهُ ثُمَّ **مَسَحَ بِيَدِهِ عَلَى الْحَائِطِ أَوْ الْأَرْضِ** ثُمَّ تَوَضَّأَ وُضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ غَيْرَ رِجْلَيْهِ ثُمَّ أَفَاضَ عَلَى جَسَدِهِ الْمَاءَ ثُمَّ تَنَحَّى فَغَسَلَ قَدَمَيْهِ.

Terjemahan: Daripada Maymunah katanya: "Aku pernah memasang tirai buat Nabi SAW ketika baginda sedang mandi junub. Baginda membasuh kedua-dua tangannya, kemudian baginda menuangkan air dengan tangan kanannya ke atas tangan kirinya, lalu baginda membasuh kemaluannya dan bahagian yang terkena. Setelah itu, baginda menyapu dengan tangannya pada dinding atau tanah. Kemudian baginda berwuduk seperti wuduk untuk bersolat kecuali kedua-dua kakinya. Setelah itu, baginda pun menjirus air ke atas jasadnya. Kemudian baginda beralih, lalu membasuh kedua-dua kakinya".

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi lafaz (مَسَحَ بِيَدِهِ عَلَى الْحَائِطِ أَوْ الْأَرْضِ) diriwayatkan sebagai (مَسَحَ بِيَدِهِ الْحَائِطَ وَالْأَرْضَ). (juz. 1, hal. 78-79). Lafaz (أَوْ) diganti dengan lafaz (وَ). Maksud kedua-duanya tentu berbeza kerana yang pertama bermakna ; "... baginda menyapukan tangannya ke atas dinding atau pun tanah" yang memberi dua pilihan, sedangkan yang kedua bererti ; "... baginda menyapukan tangannya pada dinding dan juga tanah" yang menunjukkan tertib susunan.

iv. Contoh 4, hadith (5496):

عن عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَكُنْ يَتْرُكُ فِي بَيْتِهِ شَيْئًا فِيهِ **تَصَالِيبُ** إِلَّا نَقَضَهُ.

Terjemahan: Daripada 'A'isyah RA: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. tidak akan meninggalkan di dalam rumahnya sesuatu yang ada padanya bentuk-bentuk salib melainkan baginda akan menghilangkannya".

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada al-Kusymihani lafaz (تَصَالِيبُ) diganti dengan lafaz (تَصَاوِير), iaitu gambar-gambar. (juz. 7, hal. 215).

v. Contoh 5, hadith (1060):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَدَعُ الْعَمَلَ وَهُوَ يُحِبُّ أَنْ يَعْمَلَ بِهِ خَشْيَةَ أَنْ يَعْمَلَ بِهِ النَّاسُ فَيُفْرَضَ عَلَيْهِمْ وَمَا سَبَّحَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُبْحَةَ الضُّحَى قَطُّ وَإِنِّي **لَأُسَبِّحُهَا**.

Terjemahan: Daripada ‘A’isyah RA katanya: “Sekiranya Rasulullah SAW meninggalkan sesuatu amalan sedangkan baginda suka beramal dengannya adalah kerana takut orang ramai akan turut mengamalkannya, lalu difardukan ke atas mereka. Dan Rasulullah SAW tidak pernah sekali pun bersolat dhuha, akan tetapi aku menunaikannya”.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada al-Kusymihani dan riwayat al-Asili lafaz (لَأُسَبِّحُهَا) “… aku menunaikannya”, disebut dengan lafaz (لَأَسْتَحِبُّهَا), iaitu “… aku menyukainya”. (juz. 2, hal. 62).

vi. Contoh 6, hadith (2285):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِيَّاكُمْ وَالْجُلُوسَ عَلَى الطُّرُقَاتِ، فَقَالُوا: مَا لَنَا بُدٌّ إِنَّمَا هِيَ مَجَالِسُنَا نَتَحَدَّثُ فِيهَا، قَالَ: **فَإِذَا أَبَيْتُمْ إِلَّا الْمَجَالِسَ** فَأَعْطُوا الطَّرِيقَ حَقَّهَا، قَالُوا: وَمَا حَقُّ الطَّرِيقِ؟ قَالَ: غَضُّ الْبَصَرِ وَكَفُّ الْأَذَى وَرَدُّ السَّلَامِ وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيٌ عَنْ الْمُنْكَرِ.

Terjemahan: Daripada Abu Sa‘id al-Khudri RA daripada Nabi SAW sabdanya: “Berwaspadalah kalian dari duduk-duduk di tepi jalan”. Para sahabat membalas: Ia perlu bagi kami, kerana ia majlis (tempat duduk) di mana kami dapat berbual-bual. Sabda baginda: “Jika kamu sekalian enggan melainkan majlis-majlis tersebut, maka berikanlah jalan akan haknya”. Para sahabat bertanya: Apakah hak jalan itu? Jawab baginda: “Menundukkan pandangan, tidak menyakiti, membalas salam, menyuruh berbuat baik dan mencegah perkara munkar”.

Dalam riwayat al-Hammuyi dan al-Mustamli ayat (فَإِذَا **أَبَيْتُمْ إِلَّا** الْمَجَالِسَ) iaitu “Jika kamu enggan melainkan majlis-majlis tersebut…”, disebut dengan lafaz demikian (فَإِذَا **أَتَيْتُمْ إِلى** الْمَجَالِس) iaitu “Jika kamu datang ke majlis-majlis tersebut…”. (juz. 3, hal. 173)

**4. Memperlihatkan Penambahan Lafaz Dalam Matan Hadith**

i. Contoh 1, hadith (974):

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَأَى الْمَطَرَ قَالَ: صَيِّبًا نَافِعًا.

Terjemahan: Daripada ‘A’isyah bahawa Rasulullah s.a.w. apabila melihat hujan baginda akan mengucapkan: “Moga hujan yang memberi manfaat”.

Dalam riwayat al-Mustamli terdapat tambahan kalimah (اللَّهُمَّ) sedemikian:

**اللَّهُمَّ** صَيِّبًا نَافِعًا.

Terjemahan: “Ya Allah, moga hujan yang memberi manfaat”.

Manakala dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada al-Hammuyi dan al-Mustamli pula demikian:

**اللَّهُمَّ صَبًّا** نَافِعًا.

Terjemahan: “Ya Allah, moga curahan yang memberi manfaat”.

(juz. 2, hal. 40)

ii. Contoh 2, hadith (1024):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تُسَافِرْ الْمَرْأَةُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ.

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Umar RA bahawa Nabi SAW bersabda: “Janganlah seorang wanita itu bermusafir selama tiga hari melainkan dia mesti bersama-sama dengan mahramnya”.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada al-Kusymihani terdapat tambahan kalimah (فَوْقَ) sedemikian:

لَا تُسَافِرْ الْمَرْأَةُ **فَوْقَ** ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ.

Terjemahan: “Janganlah seorang wanita itu bermusafir selama lebih tiga hari melainkan dia mesti bersama-sama dengan mahramnya”.

(juz. 2, hal. 54)

iii. Contoh 3, hadith (1863):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ يَوْمُ عَاشُورَاءَ تَصُومُهُ قُرَيْشٌ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُهُ، فَلَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ صَامَهُ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ، فَلَمَّا فُرِضَ رَمَضَانُ تَرَكَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، فَمَنْ شَاءَ صَامَهُ وَمَنْ شَاءَ تَرَكَهُ .

Terjemahan: Daripada ‘A’isyah RA katanya: “Hari ‘Asyura dijadikan hari berpuasa oleh kaum Quraisy pada masa jahiliyyah. Dan Rasulullah SAW juga turut berpuasa. Di kala baginda sampai di Madinah baginda berpuasa dan menyuruh sahabatnya agar berpuasa. Manakala difardukan puasa Ramadhan, baginda telah meninggalkan puasa hari ‘Asyura. Maka sesiapa yang ingin dia boleh berpuasa dan sesiapa yang ingin dia boleh meninggalkannya”.

Di dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi, Ibn ‘Asakir dan Abu al-Waqt terdapat tambahan perkataan (في الجاهلية) selepas teks berikut:

كَانَ يَوْمُ عَاشُورَاءَ تَصُومُهُ قُرَيْشٌ فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُهُ **فِي الْجَاهِلِيَّةِ**...

Terjemahan: “Hari ‘Asyura dijadikan hari berpuasa oleh kaum Quraisy pada masa jahiliyyah. Dan Rasulullah SAW juga turut berpuasa <u>pada masa jahiliyyah</u>. …”.

(juz. 3, hal. 57)

iv. Contoh 4, hadith (2292):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ وَجَدَ غُصْنَ شَوْكٍ فَأَخَذَهُ فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَغَفَرَ لَهُ.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Ketika seorang lelaki berjalan di sebuah jalan, ia telah menemukan sebatang cabang kayu berduri, lalu diambilnya. Maka Allah pun berterima kasih kepadanya, lalu mengampuni dosanya”.

Di dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi terdapat tambahan perkataan (عَلَى الطَّرِيقِ) sepertimana dalam teks berikut:

بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ وَجَدَ غُصْنَ شَوْكٍ **عَلَى الطَّرِيقِ** فَأَخَذَهُ فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَغَفَرَ لَهُ.

Terjemahan: “Ketika seorang lelaki berjalan di sebuah jalan, ia telah menemukan sebatang cabang kayu berduri <u>di atas jalan tersebut</u>, lalu diambilnya. Maka Allah pun berterima kasih kepadanya, lalu mengampuni dosanya”.

Manakala dalam riwayat Abu Dhar, al-Asili dan Abu al-Waqt kalimah: (فَأَخَذَهُ) “lalu diambilnya”, disebut dengan lafaz: (فَأَخَّرَهُ) “lalu dialihkannya”.
(juz. 3, hal. 177)

v. Contoh 5, hadith:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ دَخلَ عَلَيْهَا وَعِنْدَهَا جَارِيَتَانِ فِي أَيَّامِ مِنَى **تُدَفِّفَانِ وَتَضْرِبَانِ** وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَغَشٍّ بِثَوْبِهِ. فَانْتَهَرَهُمَا أَبُو بَكْرٍ. فَكَشَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ وَجْهِهِ فَقَالَ: دَعْهُمَا يَا أَبَا بَكْرٍ فَإِنَّهَا أَيَّامُ عِيدٍ. وَتِلْكَ الْأَيَّامُ أَيَّامُ مِنًى.

Terjemahan: Daripada ‘A’isyah RA bahawa Abu Bakr RA pernah masuk menemuinya, sedang di sisinya ada dua orang hamba perempuan - pada ketika hari-hari Mina – yang sedang berdendang dan bergendang. Manakala Nabi SAW pula sedang berselubung dengan kainnya. Lalu Abu Bakr pun mengherdik mereka. Lantas Nabi SAW pun menyingkap wajahnya seraya bersabda: “Biarkanlah mereka, wahai Abu Bakr. Sesungguhnya ia adalah Hari-hari Raya”. Dan hari-hari tersebut ialah hari-hari Mina.

Al-Bukhari meriwayatkan lafaz hadith ini dalam kitab *al-Jumu‘ah* (934) dan kitab *al-Manaqib* (3266). Pada kitab *al-Manaqib*, di dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi berbunyi (**تُغَنِّيَانِ** وتُدَفِّفَانِ وَتَضْرِبَانِ) dengan tambahan perkataan (تُغَنِّيَانِ) iaitu “kedua-duanya berlagu”. (juz. 4, hal. 225). Tambahan ini tidak ada dalam riwayat perawi-perawi lain. Namun, ini tidak bercanggah kerana pada riwayat-riwayat lain dalam *Sahih al-Bukhari* perkataan (تُغَنِّيَانِ) memang wujud dalam hadith ‘A’isyah, tetapi tanpa kalimah (تُدَفِّفَانِ وَتَضْرِبَانِ) seperti dalam kitab *al-Jumu‘ah* (897) dan juga kitab *al-Jihad wa al-Siyar* (2691).

**5. Menunjukkan Penambahan Isi Pada Judul Bab**

i. Dalam kitab *al-Salah* pada bab:

بَاب حَكِّ الْمُخَاطِ بِالْحَصَى مِنْ الْمَسْجِدِ

Terjemahan: Bab menyental hingus dengan anak batu pada masjid.

Al-Yunini menyebutkan bahawa di dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi, al-Asili, Ibn ‘Asakir dan Abu al-Waqt terdapat tambahan frasa berikut:

... وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: إِنْ وَطِئْتَ عَلَى قَذَرٍ رَطْبٍ فَاغْسِلْهُ، وَإِنْ كَانَ يَابِسًا فَلَا.

Terjemahan: … Dan kata Ibn ‘Abbas: “Sekiranya kamu memijak kotoran yang basah, maka basuhlah ia, dan sekiranya ia kering, maka tidaklah perlu”.

(juz. 1, hal. 112)

ii. Dalam kitab *al-Salah* pada bab:

بَاب الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ كَفَّارَةٌ

Terjemahan: Bab solat lima waktu adalah *kaffarah*.

Dalam riwayat al-Kusymihani terdapat tambahan frasa:

… لِلْخَطَايَا إِذَا صَلَّاهُنَّ لِوَقْتِهِنَّ فِي الْجَمَاعَةِ وَغَيْرِهَا.

Terjemahan:... bagi dosa-dosa jika dikerjakan pada waktunya secara berjemaah dan lainnya.

iii. Dalam kitab *al-Jumu‘ah* pada bab:

بَاب الْمَشْيِ وَالرُّكُوبِ إِلَى الْعِيدِ بِغَيْرِ أَذَانٍ وَلَا إِقَامَةٍ

Terjemahan: Bab berjalan dan berkenderaan untuk bersolat Hari Raya tanpa perlu azan mahupun iqamah.

Dalam riwayat Ibn ‘Asakir dan Abu Dhar al-Harawi terdapat tambahan di bahagian tengah ayat demikian:

بَاب الْمَشْيِ وَالرُّكُوبِ إِلَى الْعِيدِ **وَالصَّلَاةِ قَبْلَ الْخُطْبَةِ** بِغَيْرِ أَذَانٍ وَلَا إِقَامَةٍ

Terjemahan: Bab berjalan dan berkenderaan untuk bersolat Hari Raya dan solatnya adalah sebelum khutbah tanpa perlu azan mahupun iqamah.

(juz. 2, hal. 22)

iv. Dalam kitab *al-Jumu‘ah* pada bab:

بَاب مَنْ لَمْ يَجِدْ مَوْضِعًا لِلسُّجُودِ مِنْ الزِّحَامِ

Terjemahan: Bab sesiapa yang tidak memperolehi tempat untuk bersujud kerana sesak.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi, al-Asili dan Abu al-Waqt terdapat tambahan di bahagian tengahnya demikian:

بَاب مَنْ لَمْ يَجِدْ مَوْضِعًا لِلسُّجُودِ **مَعَ الْإِمَامِ** مِنْ الزِّحَامِ

Terjemahan: Bab sesiapa yang tidak memperolehi tempat untuk bersujud bersama imam kerana sesak.

(juz. 2, hal. 52)

v. Dalam kitab *al-Sawm* pada bab:

صوم يوم الجمعة فإذا أصبح صائما يوم الجمعة فعليه.

Terjemahan: Puasa hari Jumaat, apabila berpagi dalam keadaan berpuasa pada hari Jumaat, maka diharuskan ke atasnya.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi, Ibn ‘Asakir dan Abu al-Waqt terdapat tambahan
frasa demikian:

صوم يوم الجمعة فإذا أصبح صائما يوم الجمعة فعليه، **يعني إذا لم يصم قبله ولا يريد أن يصوم بعده**.

Terjemahan: Puasa hari Jumaat, apabila berpagi dalam keadaan berpuasa pada hari Jumaat, maka diharuskan ke atasnya, yakni jika tidak berpuasa sebelumnya dan juga tidak mahu berpuasa selepasnya.

(juz. 3, hal. 54)

## 6. Merekodkan Hadith yang Terdapat Pada Satu Nuskhah dan Tidak Terdapat Pada Nuskhah Lain

i. Hadith (610):

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ حَدَّثَنِي ابْنُ الْهَادِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ خَبَّاب عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: **صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِخَمْسٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً**.

Terjemahan matan: “Solat berjemaah itu melebihi solat bersendirian dengan ganjaran 25 darjat”.

Hadith ini wujud di dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi, al-Asili, Ibn ‘Asakir dan Abu al-Waqt, dan tidak dicatatkan pada riwayat-riwayat lain. (juz. 1, hal. 166)

ii. Hadith (1597):

حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ بَكَّارٍ حَدَّثَنَا وُهَيْبٌ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ، وَذَكَرَ الْحَدِيثَ، قَالَ: وَنَحَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ سَبْعَ بُدْنٍ قِيَامًا وَضَحَّى بِالْمَدِينَةِ كَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ، مُخْتَصَرًا.

Terjemahan matan: Kata Anas: “Nabi SAW menyembelih dengan tangannya tujuh ekor unta secara berdiri dan berkorban di Madinah dengan dua ekor kambing biri-biri putih yang bertanduk”, riwayat secara ringkas.

Hadith dengan lafaz di atas berserta judul babnya: (بَاب مَنْ نَحَرَ بِيَدِهِ) dalam kitab *al-Hajj* hanya wujud di dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada jalur al-Mustamli. (juz. 2. hal. 210). Mungkin ia dibuang dalam riwayat lain kerana hadith tersebut dengan sanad yang sama dan matan yang lebih lengkap (1599) terdapat dalam bab yang seterusnya iaitu bab ( بَاب نَحْرِ الْبُدْنِ قَائِمَةً..) seperti berikut;

حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ بَكَّارٍ حَدَّثَنَا وُهَيْبٌ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ بِالْمَدِينَةِ أَرْبَعًا وَالْعَصْرَ بِذِي الْحُلَيْفَةِ رَكْعَتَيْنِ فَبَاتَ بِهَا فَلَمَّا أَصْبَحَ رَكِبَ رَاحِلَتَهُ فَجَعَلَ يُهَلِّلُ وَيُسَبِّحُ فَلَمَّا عَلَا عَلَى الْبَيْدَاءِ لَبَّى بِهِمَا جَمِيعًا فَلَمَّا دَخَلَ مَكَّةَ أَمَرَهُمْ أَنْ يَحِلُّوا وَنَحَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ سَبْعَ بُدْنٍ قِيَامًا وَضَحَّى بِالْمَدِينَةِ كَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ.

Terjemahan matan: Kata Anas: "Nabi SAW telah bersolat zohor di Madinah empat rakaat dan bersolat asar di Dhu al-Hulayfah dua rakaat (secara qasar). Lalu baginda bermalam di situ. Apabila pagi, baginda menunggang kenderaannya sambil bertahlil dan bertasbih. Apabila baginda menaiki al-Bayda', baginda pun bertalbiah dengan kedua-duanya sekali. Apabila baginda memasuki Makkah, baginda telah memerintahkan para sahabat agar bertahallul. Nabi SAW telah menyembelih dengan tangannya tujuh ekor unta secara berdiri dan berkorban di Madinah dengan dua ekor kambing biri-biri putih yang bertanduk".

iii. Hadith (168):

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ أَخْبَرَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ سَمِعْتُ أَبِي عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّ رَجُلًا رَأَى كَلْبًا يَأْكُلُ الثَّرَى مِنْ الْعَطَشِ، فَأَخَذَ الرَّجُلُ خُفَّهُ فَجَعَلَ يَغْرِفُ لَهُ بِهِ حَتَّى أَرْوَاهُ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ، فَأَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ.

Terjemahan matan: "Sesungguhnya ada seorang lelaki telah melihat seekor anjing menjilat tanah yang lembap disebabkan terlalu dahaga. Lalu lelaki tadi mencabut khufnya, lantas mencedukkan air untuknya sehinggalah ia dapat menghilangkan dahaganya. Maka Allah telah berterima kasih kepadanya (memujinya), lalu memasukkannya ke dalam syurga".

Hadith ini tidak terdapat dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada tiga orang gurunya, al-Hammuyi, al-Mustamli dan al-Kusymihani, dan juga dalam riwayat al-Asili. Tetapi terdapat di dalam riwayat-riwayat yang lain. (juz. 1, hal. 45)

## 7. Memastikan Perbezaan Sebutan Nama-nama Perawi Pada Sanad Hadith

Dengan merujuk *al-Nuskhah al-Yuniniyyah*, kita juga dapat melihat perbezaan riwayat di dalam menyebut atau mencatat nama-nama perawi yang terdapat dalam sanad-sanad hadith. Ia sangat memberi faedah terutama bagi menjelaskan nama-nama perawi pada sanad yang mungkin tidak dapat dibezakan oleh orang yang tidak mahir tentang ilmu *rijal* hadith. Perbezaan merekod nama-nama perawi pada sanad seperti ini amat banyak didapati di dalam *al-Nuskhah al-Yuniniyyah*.

Misalnya:

i. Kata al-Bukhari: (حدثنا **قتيبة** حدثنا إسماعيل بن جعفر...), dalam riwayat Ibn ‘Asakir disebut: (حدثنا **قتيبة بن سعيد** حدثنا إسماعيل بن جعفر..). (juz. 1, hal. 23)

ii. Kata al-Bukhari: (حدثنا **محمد** قال حدثنا أبو معاوية...), dalam riwayat al-Asili disebut: (حدثنا **محمد بن سلام** قال حدثنا أبو معاوية..). (juz. 1, hal. 66)

iii. Kata al-Bukhari: (حدثنا **موسى** قال حدثنا عبد الواحد...), dalam riwayat al-Asili, Ibn ‘Asakir dan Abu al-Waqt disebut: (حدثنا **موسى بن إسماعيل** قال حدثنا عبد الواحد..), manakala dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi dicatat: (حدثنا **موسى بن إسماعيل المنقري** قال حدثنا عبد الواحد..), (juz. 1, hal. 67)

iv. Kata al-Bukhari: (حدثنا **الحميدي** قال حدثنا سفيان...), dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi disebut: (حدثنا **عبد الله بن الزبير الحميدي** قال حدثنا سفيان..). (juz. 1, hal. 74)

v. Kata al-Bukhari: (حدثنا سليمان بن حرب قال حدثنا شعبة عن **أبي عون** قال...), dalam riwayat Ibn ‘Asakir disebut: (حدثنا سليمان بن حرب قال حدثنا شعبة عن **أبي عون محمد بن عبيد الله الثقفي** قال..). (juz. 1, hal. 194)

vi. Kata al-Bukhari: (حدثنا مسدد قال حدثنا أبو عوانة عن **أبي بشر** عن...), dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi dan al-Asili disebut: (حدثنا مسدد قال حدثنا أبو عوانة عن **أبي بشر هو جعفر بن أبي وحشية** عن..). (juz. 1, hal. 195).

**8. Menunjukkan Perbezaan Baris Pada Kalimah**

i. Hadith (1236):

عن جَابِرِ بن عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَدْ تُوُفِّيَ الْيَوْمَ رَجُلٌ صَالِحٌ مِنْ **الْحَبَشِ** فَهَلُمَّ فَصَلُّوا عَلَيْهِ. قَالَ: فَصَفَفْنَا فَصَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ وَنَحْنُ مَعَهُ صُفُوفٌ.

Terjemahan: Daripada Jabir bin ‘Abdullah RA katanya: Sabda Nabi SAW: “Telah wafat pada hari ini seorang lelaki soleh daripada Habasyah, maka marilah bersolat ke atasnya”. Lantas kami pun berbaris, lalu Nabi SAW pun bersolat ke atasnya dan kami bersama baginda berbaris-baris.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi dan al-Asili kalimah (الْحَبَشِ) dibariskan dengan begini (الْحُبْشِ). (juz. 2, hal. 109)

ii. Hadith (2576):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ تُرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ أَفَلَا نُجَاهِدُ؟ قَالَ: **لَكِنَّ** أَفْضَلَ الْجِهَادِ حَجٌّ مَبْرُورٌ.

Terjemahan: Daripada ‘A’isyah RA katanya: Ya Rasulullah, telah nyata jihad adalah sebaik-baik amal, tidakkah patut kami berjihad? Jawab baginda: “Tetapi sebaik-baik jihad ialah haji yang mabrur”.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi kalimah (لَكِنَّ) iaitu ‘Tetapi’, dibariskan dengan begini (لَكُنَّ) iaitu ‘Nescaya bagi kamu (para wanita)’. (juz. 4, hal. 18)

iii. Hadith (2592):

عَنْ جُنْدَبِ بْنِ سُفْيَانَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي بَعْضِ الْمَشَاهِدِ وَقَدْ دَمِيَتْ إِصْبَعُهُ فَقَالَ: هَلْ أَنْتِ إِلَّا إِصْبَعٌ **دَمِيتِ**، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ مَا **لَقِيتِ**.

Terjemahan: Daripada Jundab bin Sufyan bahawa Rasulullah SAW berada dalam sebuah peperangan dan sebatang jari baginda telah berdarah, lalu bersabda: “Tidaklah engkau melainkan sebatang jari yang berdarah, dan di jalan Allah apa yang telah engkau hadapi”.

Dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi kalimah (دَمِيتِ) iaitu ‘engkau berdarah’ dan kalimah (لَقِيتِ) iaitu ‘engkau bertemu’, dibariskan dengan begini (دَمِيَتْ) iaitu ‘ia berdarah’ dan (لَقِيَتْ) iaitu ‘ia bertemu’. (juz. 4, hal. 22)

iv. Hadith (3421):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنَّا فِي زَمَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا نَعْدِلُ بِأَبِي بَكْرٍ أَحَدًا ثُمَّ **عُمَرَ ثُمَّ عُثْمَانَ** ثُمَّ نَتْرُكُ أَصْحَابَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا نُفَاضِلُ بَيْنَهُمْ.

Terjemahan: Dari Ibn ‘Umar RA katanya: “Kami semasa di zaman Nabi SAW tidak melebihkan seseorang pun lebih dari Abu Bakr, kemudian ‘Umar, dan seterusnya ‘Uthman. Setelah itu, kami biarkan para sahabat Nabi SAW yang lain, di mana kami tidak saling melebih-lebihkan antara mereka”.

Baris pada nama-nama (عُمَرَ ثُمَّ عُثْمَانَ) adalah berbaris atas (*fathah*) kerana *‘ataf* dengan huruf *jar* pada kalimah (بِأَبِي بَكْرٍ). Namun, dalam riwayat Abu Dhar al-Harawi dibariskan hadapan (*dammah*) seperti ini (عُمَرُ ثُمَّ عُثْمَانُ) iaitu berada dalam keadaan *marfu‘*. (juz. 5, hal. 18).

**Kesimpulan:**

Demikian dipaparkan sekilas lalu gambaran kitab *Sahih al-Bukhari* versi al-Yunini. Maka jelaslah kepada kita akan kepentingan *Sahih al-Bukhari* versi al-Yunini ini dan amat wajar jika ia dijadikan rujukan dan pegangan di dalam mempelajari dan meriwayatkan kitab *Sahih al-Bukhari*. Ia dianggap sebagai versi *Sahih al-Bukhari* yang paling *dabit* sekali dan menjadi rujukan utama para ulama hadith di dalam menjaga periwayatan hadith-hadith *Sahih al-Bukhari*. Secara umum, kebanyakan perbezaan tersebut adalah lebih berbentuk perbezaaan dari segi kepelbagaian lafaz sahaja dan bukannya perbezaan dari segi percanggahan makna (اختلاف تنوع وليس باختلاف تضاد). Dengan merujuk kepada versi al-Yunini juga dapat memudahkan kita untuk lebih memahami perbahasan kitab-kitab syarah *Sahih al-Bukhari*, terutama dalam kitab *Irsyad al-Sari* karya Imam al-Qastallani dan kitab *Fath al-Bari* karangan al-Hafiz Ibn Hajar yang sangat detail di dalam mengupas dan mensyarah riwayat-riwayat hadith al-Bukhari. Ini kerana mereka banyak menyebutkan di dalamnya perbezaan antara nuskhah-nuskhah *Sahih al-Bukhari* serta membahas riwayat-riwayat yang berbeza bagi sesebuah hadith yang sama. Mempelajari versi al-Yunini, bukan sahaja dapat membantu kita memahami situasi sesuatu hadith dengan lebih tepat, malah dapat menyubur dan melatih keupayaan kita membuat komparatif dengan lebih baik, sebagai kesan daripada sifat halus, cermat dan teliti para ilmuwan silam di dalam kajian mereka.

**Rujukan**

‘Abd al-‘Aziz bin Ahmad al-Humaydi, *Nusakh wa Riwayat al-Jami‘ al-Sahih* (diagram sanad) http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?t=19692.

‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1993, *Tahqiq Ismay al-Sahihayn wa Ism Jami‘ al-Tirmidhi*, Halab: Maktab al-Matbu’at al-Islamiyyah.

‘Abd al-Ghani al-Ghunaymi al-Maydani, 1993, *Kasyf al-Iltibas ‘amma Awradahu al-Imam al-Bukhari ‘ala Ba‘d al-Nas*, tahkik ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Halab: Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah.

al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman, 1990, *Mu‘jam al-Syuyukh*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1986, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Rayyan.

__________________, 1986, *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari*, Kaherah: Dar al-Rayyan.

__________________, *al-Durar al-Kaminah*, Edisi al-Maktabah al-Syamilah.

Ibn al-‘Imad, *Syadharat al-Dhahab*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Jazari, Muhammad ibn Muhammad, 1990, *al-Mus‘ad al-Ahmad fi Khatm Musnad al-Imam Ahmad*, Riyadh: Maktabah al-Tawbah.

Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, 1422H, *Sahih al-Bukhari*, salinan cetakan Bulaq, Mesir: al-Matba‘ah al-Amiriyyah tahun 1313H, ed. Muhammad Zuhayr al-Nasir, Beirut: Dar Tawq al-Najah & Jeddah: Dar al-Minhaj.

____________________, t.t., *Sahih al-Bukhari*, taqdim: Ahmad Muhammad Syakir, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Muhammad ‘Abd al-Karim ‘Ubayd, Dr., *Riwayat wa Nusakh al-Jami’ al-Sahih li al-Imam al-Bukhari: Dirasah wa Tahlil*. atas talian http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?p=62244.

Multaqa Ahl al-Hadith, http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?p=62244. tarikh rujukan: 25 Februari 2009.

Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, 2002, *al-Imam al-Yunini wa Juhuduh fi Hifz Sahih al-Imam al-Bukhari wa Tahqiq Riwayatih*, dalam Majallah al-Jami‘ah al-Islamiyyah, Palestin, vol. 10, bil. 1.

Yusuf al-Kattani, Dr., 1997, *al-Imam al-Bukhari Amir al-Mu’minin fi al-Hadith*, sisipan majalah al-Azhar, bulan Rejab 1418H, Mesir.